

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SINAR NEGERI PERAK/PAHANG)

TARIKH: 24 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 30

Harga rumah RM650,000 untuk warga asing

IPOH - Kerajaan Perak membenarkan penjualan rumah yang tidak terjual kepada warga asing serendah RM650,000 hingga RM1 juta.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, harga rumah tersebut ditetapkan mengikut tiga zon berbeza berdasarkan daerah di Perak.

Menurutnya, kebanyakan rumah yang tidak terjual di negeri itu terdiri daripada rumah berstrata kerana majoriti pembeli memilih kediaman bertanah.

"Saya dapati di Perak ramai tak gemarkan rumah tinggi berstrata. Mereka nak landed houses (kediaman bertanah). Dengan harga pasaran yang rendah orang berebut nak beli.

"Jadi masalah lambakan



Ahmad Faizal (kanan) dan Mustapha Kamal (dua dari kiri) diberi penerangan mengenai projek MK Land di Perak semalam.

rumah ini hanya melibatkan projek atau pembangunan rumah strata," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke tapak projek Klebang Putra dan Meru Perdana di sini semalam.

Hadir sama, Penasihat MK Land Holding Sdn Bhd, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar dan Pengerusi Eksekutif MK Land Holding,

Felina Mustapha Kamal.

Ahmad Faizal berkata, keputusan penjualan rumah kepada warga asing itu dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Dasar Perumahan Negeri Perak.

Menurut beliau, beberapa penambahbaikan Dasar Perumahan Negeri Perak sebelum ini mendapat perhatian pihak pemaju.

Harga minimum perolehan hartanah oleh warga asing kategori kediaman di Perak

ZON 1

Jenis hartanah
Bertanah - RM1 juta
Strata - RM900,000
Strata bertanah - RM1 juta

ZON 2

Jenis hartanah
Bertanah - RM900,000
Strata - RM800,000
Strata bertanah - RM900,000.

ZON 3

Jenis hartanah
Bertanah - RM800,000
Strata - RM650,000
Strata bertanah - RM650,000

Katanya, pemaju dapat membantu kerajaan membina lebih banyak rumah mampu milik dan mesra milik di negeri itu seterusnya mencapai sasaran 50,000 rumah mesra milik.